

# Sekolah minyak dan gas bakal ditubuhkan

UB. 31. 7. 13 Bil 4

**LABUAN:** Sebuah sekolah dalam bidang minyak dan gas akan diwujudkan di Labuan tidak lama lagi.

Ia akan dikendalikan sepenuhnya oleh Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli berkata UMSKAL kini mempunyai sebidang tanah berkeluasan lebih 70 ekar yang terletak di Tanjung Kiansam.

Menurutnya, pihak UMSKAL sedang menunggu peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan Kementerian Pendidikan untuk membina sekolah berkenaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai kanan Perbadanan Labuan di Wisma Perbadanan Labuan, di sini, semalam.

Beliau dilantik sebagai pengerusi Perbadanan Labuan yang baru menggantikan Datuk Yussof Mahal untuk tempoh dua tahun bermula 1 Julai lalu.



**ROZMAN**

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Zainal Abidin Abdullah serta dua Timbalannya, Siti Maznah Awang Damit dan Rithuan Mohd Ismail.

Rozman menyokong penuh cadangan berkenaan dan berharap UMSKAL mampu melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam sektor minyak dan gas.

Tambahnya, pewujudan sekolah berkenaan tepat pada masanya selari dengan kepesatan sektor berkenaan di wilayah ini.

Katanya, penubuhan program itu bersesuaian dengan kewujudan syarikat minyak dan gas termasuk Petronas dan Asian Supply Base (ASB) serta syarikat luar pesisir yang berkaitan sektor berkenaan.

Beliau berkata, pelajar yang mengambil jurusan berkenaan akan lebih mudah menjalani latihan praktikal serta menjimatkan kos kewangan kerajaan yang sebelum ini terpaksa menghantar mereka menjalani latihan industri di luar Labuan.

“Kita hanya menunggu masa yang sesuai sebelum membuka program berkaitan minyak dan gas sekaligus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan yang berkemahiran tinggi,” katanya.

Kehadiran pensyarah dan pelajar jurusan itu katanya, akan membantu menjana ekonomi dan industri pelancongan tempatan selain industri minyak dan gas yang mendapat perhatian serius oleh kerajaan.



**ROZMAN (kanan) dan Zainul (dua kanan) bergambar kenangan bersama pengurusan kanan Perbadanan Labuan yang menghadiri mesyuarat di Wisma Perbadanan Labuan.**